

14 DEC 1997

Sidang-Rafidah

M'SIA AKAN BUKA SEKTOR PEKHIDMATAN KEWANGAN BERASASKAN KEUPAYAAN

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Malaysia akan membuka sektor perkhidmatan kewangannya berasaskan keupayaannya berbuat demikian dan tawarannya adalah realistik dan berdasarkan kriteria yang objektif, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

"Malaysia sentiasa membuat tawaran sedemikian dan pada masa ini 51 peratus pemilikan siling dalam syarikat-syarikat insurans tempatan merupakan satu perkara yang lebih baik berbanding 49 peratus sebelum ini," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas perbincangan dua hala antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pengerusi Majlis Ketenteraman dan Pembangunan Myanmar Than Shwe dan kunjungan hormat Menteri Luar Indonesia Ali Alatas terhadap Dr Mahathir.

Laporan sebelum ini menyatakan bahawa Amerika Syarikat akan meminta perubahan terhadap tawaran beberapa negara mengikut perjanjian perkhidmatan kewangan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Turut dilaporkan ialah negara-negara seperti Malaysia yang memaksa pelucutan hak-hak yang sedia ada dalam sektor insurans akan "diketepikan" daripada kewajipan Amerika di bawah pakatan itu.

Berikutan cadangan siling 51 peratus pemilikan asing itu, syarikat insurans Amerika, American International Group, dibayangkan akan melepaskan sejumlah saham dalam anak syarikat Malaysia milik penuhnya, American International Assurance (AIA).

Bagaimanapun Rafidah berkata tawaran Malaysia mengenai pemilikan siling sektor insurans telah diterima oleh negara-negara anggota WTO.

Beliau mengulangi bahawa sektor perkhidmatan kewangan akan dibuka berdasarkan keupayaan Malaysia yang memberi penekanan terhadap keadaan yang berlaku kini.

Yang pertama, katanya telah wujud penyertaan asing yang begitu tinggi dalam sektor insurans dan perbankan tempatan dan keduanya sejumlah besar perniagaan dalam kedua-dua sektor dijalankan oleh syarikat-syarikat asing.

Rafidah berkata hampir tiga suku daripada perniagaan insurans nyawa di Malaysia dijalankan oleh syarikat-syarikat asing sementara sejumlah besar perniagaan insurans am, yang tidak terlalu menguntungkan, dijalankan oleh syarikat-syarikat Malaysia.

Oleh itu sektor insurans menyaksikan syarikat-syarikat asing telahpun menyertai sebahagian besar perniagaan insurans nyawa, perbankan, deposit dan pinjaman.

Menurut Rafidah, WTO beroperasi berdasarkan liberalisasi yang progresif dan itulah yang dilakukan Malaysia sekarang dengan membuka sektor-sektornya secara berperingkat.

Katanya Amerika sendiri telah mengemukakan beberapa cadangan balas. "Mereka juga mempunyai beberapa klausa dan syarat untuk dipertimbangkan...seperti tidak membenarkan kemasukan baru syarikat insurans dan cawangan-cawangan baru bank."

Beliau berkata negara-negara membangun sentiasa menegaskan bahawa adalah lebih mudah bagi negara-negara besar untuk membuka pasaran mereka kepada negara-negara membangun kerana keupayaan entiti negara-negara membangun seperti bank dan syarikat-syarikat insurans untuk memasuki negara-negara besar ini adalah terhad dan kemasukan mereka tidak membawa banyak perbezaan.

Bagaimanapun kemasukan satu entiti besar dari sebuah negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah atau Jepun ke dalam sebuah negara kecil akan memberi kesan yang besar, katanya. -- BERNAMA

SHO RON